

Pilihanraya tak jadi Mei

(P) DM 23 APR 1986
KUALA LUMPUR 22 April - Par-
Kti - parti pembangkang yakin pili-
hanraya tidak jadi diadakan dalam
bulan Mei depan, sebaliknya besar ke-
ungkinan akan diadakan pada bulan
Julai atau September tahun ini.

Khabar - khabar angin bertiup kencang mengatakan
Parlimen akan dibubarkan hari ini tetapi pemimpin parti
pembangkang menyatakan perasaan lega kerana perkara
itu tidak terjadi.

"Sudah pasti sekarang pilihanraya tidak akan
diadakan segera," kata mereka.

Mereka menganggap ini sebagai satu perkembangan
baik bagi pembangkang kerana ia membolehkan mereka
mengadakan kempen yang lebih lama dan membolehkan
ahli - ahli Parlimen meneruskan khidmat mereka hingga
tempoh penggal yang akan berakhir pada April tahun
depan.

Baru - baru ini, Perdana Menteri, Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad memberitahu bahawa pilihanraya ti-
~~tidak akan diadakan segera~~ kerana tidak mahu mengada-
kannya tergesa - gesa.

Penolong Setiausaha Agung DAP, Encik Lee Lam Thye berkata, kerajaan tidak dapat mengadakan pilihanraya lebih awal walaupun Perdana Menteri pada awalnya mahukan tarikh tersebut, kerana Barisan Nasional sendiri belum lagi melengkapinya persiapannya.

"Saya mendapat tahu Perdana Menteri mahukan tarikh tersebut, tetapi perkembangan politik di Sabah serta masalah dalaman yang dihadapi oleh UMNO sendiri memaksa Datuk Sri Dr. Mahathir mengubah fikirannya," kata Encik Lee ketika dihubungi di pejabatnya hari ini.

Katanya, DAP kini meramalkan pilihanraya akan diadakan antara Julai hingga September tahun ini bagi membolehkan Barisan Nasional menyelesaikan segala masalah dalaman yang dihadapinya sekarang.

Beliau yakin, keputusan untuk mengadakan pilihanraya umum akan hanya ditetapkan selepas pilihanraya Negeri Sabah pada 5 dan 6 Mei ini, kerana keputusannya akan memberi pengaruh kepada permohonan PBS untuk menganggotai Barisan Nasional.

"Kalau PBS tetap menang dengan majoriti 2/3 di Sabah, Barisan Nasional tentu akan mengambil PBS sebagai anggotanya. Itulah sebabnya pilihanraya umum tidak mungkin diadakan lebih awal," ujar beliau lagi.

Katanya, DAP yang akan meletakkan 80 orang calon untuk kerusi Parlimen yakin memenangi sekitar 30 hingga 40 kerusi.

Sementara itu, Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) berpendapat pilihanraya akan diadakan akhir tahun ini ataupun awal tahun depan.

Setiausaha agungnya, Encik Hassan Karim berkata, kerajaan tidak sepatutnya merahsiakan tarikh tersebut kerana ia tidak adil bagi parti-parti pembangkang sedangkan Barisan Nasional boleh membuat persiapan yang lebih wajar.

"Tapi tindakan kerajaan tidak membubarkan Parlimen sekarang membolehkan kami membuat persiapan. Perkembangan ini memang menguntungkan pembangkang," katanya.

Bagaimanapun beliau berpendapat lagi, Parlimen tidak dibubarkan bukanlah

LIHAT MUKA 6

Pilihanraya tak jadi Mei

kerana hendak memberi peluang kepada parti-parti pembangkang, tetapi kerana masalah dalaman yang dihadapi oleh Barisan Nasional.

"Banyak masalah yang dihadapi oleh kerajaan sekarang sebagai kesan kelemahan dasar-dasar kerajaan sendiri. Kerajaan mesti menyelesaikan masalah-masalah tersebut sebelum mengadakan pilihanraya, kerana jika tidak lebih banyak masalah yang akan timbul," katanva.

Pengerusi Parti Sepakat Demokratik (SDP), Encik Ahmad Nor pula berkata, kerajaan tidak membubarkan Parlimen kerana Barisan Nasional masih belum menyelesaikan masalah pengagihan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di kalangan komponen Barisan Nasional.

Menurut beliau, sama ada pilihanraya diadakan 3 Mei atau lebih lewat dari itu, tidak akan memberi kesan kepada Barisan Nasional kerana rakyat yang

lebih matang sekarang sudah membuat pendirian mengenai siapa yang patut dipilih.

Beliau mengaitkan krisis politik Sabah, pergolakan kepimpinan UMNO serta tekanan-tekanan politik lain membolehkan Barisan Nasional mengubah pendirian untuk mengadakan pilihanraya lebih lewat daripada 3 Mei ini.

"Bagaimanapun, kami sudah bersedia untuk mengadakan pilihanraya pada bila-bila masa saja," katanya.